

## 20) RUMAH SELANGORKU

**Adun :** Y.B. Tuan Wan Dzahanurin Bin Ahmad (N49 Sungai Kandis)

**Kategori :** Lisan

**Sesi :** 3 (2024)

Sub soalan :

- a) **Apakah terdapat perancangan untuk projek Rumah Selangorku di DUN Sungai Kandis? Jika ya, nyatakan lokasi.**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan pembangunan projek perumahan oleh pemaju-pemaju perumahan khususnya penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) bagi kawasan Daerah Klang, Selangor. Ini kerana syarat/keperluan penyediaan Rumah Selangorku (RSKU) akan ditetapkan ke atas tanah-tanah yang dicadangkan untuk dibangunkan. Sehingga 31 Oktober 2024, terdapat 49 projek dengan 26,003 unit RSKU telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di seluruh Daerah Klang yang mana DUN Sungai Kandis terletak di dalamnya. Daripada jumlah tersebut, 9 projek dengan 7,044 unit RSKU telah diluluskan di kawasan Dun Sungai Kandis. Perincian seperti berikut :-

<b>Bil</b>	<b>Pemaju</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Unit</b>	<b>Status</b>
1.	Malayapine Estates Sdn. Bhd.	Di Atas PT 139248, PT 139969 Dan PT 140249, Bandar Putera, Mukim Klang, Daerah Klang.	276	Dalam Pembinaan
2.	Pakar Angsana Sdn. Bhd.	Di Atas Lot PT 57329, PT 57330, PT 57331 Dan PT 57332 (Lot Asal 49087) Seksyen 32, Shah Alam, Mukim Klang, Daerah Klang.	754	Dalam Perancangan
3.	Pakar Angsana Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik GRN 205519 Lot 106987 Seksyen 32, Shah Alam, Mukim Klang, Daerah Klang	414	Dalam Perancangan
4.	Jiwa Property Sdn. Bhd.	Ke Atas Hakmilik PM 8311, Lot 144306 Dan PM 8312, Lot 144307, Di Taman Alam Indah, Seksyen 33, Shah Alam, Mukim Klang, Daerah Klang.	206	Dalam Perancangan

5.	I & P Alam Impian Sdn. Bhd. (Trans Loyal Development Sdn. Bhd.)	Di Atas HSD 150406 PT 142901, HSD 150408 LOT 142904, HSD 150409 PT 142906, HSD 150411 PT 142910, HSD 150412 PT 142911 HSD 150414 PT 142917, HSD 153594 PT 146226 Dan HSD 153595 PT 146227, Alam Impian, Seksyen 35, Shah Alam, Mukim Klang, Daerah Klang.	3,806	Dalam Perancangan
6.	Malayapine Estates Sdn. Bhd.	Di Atas PT 139248, PT 139969 Dan PT 140249, Bandar Putera, Mukim Klang, Daerah Klang.	476	Dalam Perancangan
7.	Malayapine Estates Sdn. Bhd.	Di Atas PT 139248, PT 139969 Dan PT 140249, Bandar Putera, Mukim Klang, Daerah Klang.	960	Dalam Perancangan
8.	Setia Gardens Development Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik H.S.(M) 58280 PT 151339 (Dahulunya Lot 1609) Seksyen 36, Shah Alam, Mukim Klang, Daerah Klang.	20	Dalam Perancangan
9.	Rukun Jaya Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 1539 Dan Lot 97816, Jalan Sungai Kandis, Mukim Klang, Daerah Klang, Seksyen 36, Shah Alam.	132	Dalam Perancangan
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>7,044</b>	

**b) Apakah bantuan kewangan yang disediakan kepada golongan yang tiada punca pendapatan tetap untuk memiliki Rumah Selangorku?**

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini Kerajaan Negeri masih belum mempunyai alternatif dan mekanisme dalam menyediakan pembiayaan bagi membantu golongan yang sukar mendapat pinjaman perumahan / tidak memiliki pendapatan tetap bagi tujuan pembelian Rumah Selangorku. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Smart Sewa dengan objektif utama adalah bagi membantu golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan atau golongan yang belum bersedia memiliki kediaman sendiri supaya dapat menyewa kediaman yang telah disediakan oleh Kerajaan

Negeri dengan kadar sewa yang berpatutan berbanding harga pasaran iaitu 20% - 30% lebih murah daripada pasaran. Tempoh sewaan minima bagi setiap penyewa adalah selama dua (2) tahun dan maksima selama lima (5) tahun.

Di akhir penyewaan tersebut, pemulangan sebanyak 30% daripada jumlah sewaan yang dibayar apabila mereka tidak lagi tinggal di unit berkenaan untuk tempoh minima selama dua (2) tahun. Dengan pengembalian semula sebanyak 30% wang sewaan kepada pemohon selama tempoh simpanan tersebut bolehlah bayaran tersebut dijadikan sebagai sebahagian daripada wang pendahuluan dalam pembelian Rumah Selangorku pada masa akan datang. Kerajaan Negeri juga melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) akan memberikan keutamaan dalam penawaran kepada pemohon berkenaan untuk ditawarkan mana-mana projek Rumah Selangorku sedia ada sekiranya terdapat kekosongan unit.